

Dengar nasihatnya, sokong Abdullah jika ahli UMNO sayang Dr. M

SUBANG 28 Jun — Ahli-ahli UMNO yang menyayangi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad perlu mendengar nasihatnya dengan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dinamakan sebagai pengganti.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata, ini bagi memastikan UMNO terus kukuh dan dapat melancarkan proses peralihan kuasa.

Menurutnya, sebarang pergeseran dalam

UMNO dalam waktu terdekat ini akan membawa implikasi buruk yang sangat besar kepada kestabilan politik negara.

Katanya, jika Perdana Menteri sendiri yakin terhadap keupayaan Abdullah, ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia juga harus turut berpandangan serupa.

“Beliau juga yakin telah wujud barisan pelapis dalam UMNO dan dengan itu, beliau percaya inilah waktu terbaik untuk mengundurkan diri. Tambahan pula, ekonomi negara semakin kukuh, suasana politik tenang, kestabilan negara terjamin dan pelabur asing sudah yakin dengan negara ini,” katanya di sini hari ini.

Abdul Aziz berkata, beliau sendiri turut yakin Abdullah mampu meneruskan kecemerlangan negara apabila diberikan mandat menjadi Perdana Menteri kelak.

“Sejarah Perdana Menteri yang lalu harus dijadikan peringatan bahawa apabila seseorang dilantik ke jawatan tertinggi itu, individu itu pasti mampu melaksanakannya. Dr. Mahathir sendiri tidak diyakini oleh orang ramai pada awal pelantikannya tetapi beliau membuktikan sebaliknya,” katanya.